

# LAPORAN TAHUNAN 2019

## PEJABAT PERUNDANGAN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

USM UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

APEX™

# Kandungan

## Profil Korporat


03 Mukadimah
04 Visi & Misi
05 Tugas & Fungsi
07 Carta Organisasi


## Laporan Pengurusan Unit


08 Unit Governan & Pentadbiran Undang-Undang
16 Unit Penggubalan & Pengurusan MOU/MOA
20 Unit Ligitasi & Guaman
26 Unit Pengurusan Kontrak Kewangan
29 Unit Tatatertib Pelajar
33 Unit Integriti
37 Unit Polisi
43 Pengurusan Pejabat Perundangan


## Latihan/Aktiviti


45 Latihan & Aktiviti 2019

**65 Rumusan**

# Mukadimah

Seperti lazimnya, Laporan Tahunan Pejabat Perundangan akan disediakan setiap tahun sebagai satu dokumen penting yang memperihalkan status, peranan, aktiviti dan statistik kes dan perkara yang diuruskan oleh Pejabat Perundangan di samping memberikan maklumat berkenaan dengan tanggungjawab dan pencapaian KPI Pejabat Perundangan bagi keseluruhan tahun 2019.

Laporan tahunan adalah sangat penting sebagai memaklumkan kepada semua pihak berkepentingan di dalam Universiti dan juga masyarakat secara amnya tentang tahap pencapaian, KPI dan bidang hakiki tugasan di Pejabat Perundangan. Laporan tahunan ini akan menyampaikan kekuatan dan strategi Pejabat Perundangan, prestasi, pencapaian utama, strategi dan jangkaan untuk Pejabat Perundangan pada tahun-tahun akan datang.

Pada tahun 2019, kesemua maklumat dan laporan ini diolah dalam format yang mudah difahami beserta gabungan statistik dan visual bagi memastikan bahawa stakeholder dan para pembaca dapat memahami maksud yang ingin dilaporkan mulai dari mukasurat pertama lagi. Tahun 2019 ini sememangnya merupakan tahun yang mencabar di dalam usaha Pejabat Perundangan menjalankan amanah dan tanggungjawabnya. Misalnya dengan kekangan bajet dan sumber manusia yang terhad, Pejabat Perundangan perlu meletakkannya sebagai sebuah Jabatan yang menjadi pusat rujukan dan pemikir dalam hal-hal perundangan Universiti di samping juga menjadi satu wadah rujukan berkenaan hal-hal governan, autonomi dan integriti di peringkat Universiti.

Pelbagai program dan aktiviti telah dilaksanakan termasuk beberapa perkongsian pintar dengan beberapa PTJ lain di samping dengan beberapa universiti dalam dan luar negara. Antaranya ialah penganjuran syarahan integriti, road show integriti, taklimat perundangan secara berkala yang telah dilaksanakan dengan cara yang berkesan dan boleh dibanggakan.

Pejabat Perundangan komited memastikan bahawa warga Universiti mengetahui undang-undang asas serta membudayakan integriti di dalam Universiti. Pada tahun-tahun seterusnya kami akan menguatkan lagi semangat kami untuk terus menggalas amanah yang telah diberikan oleh Universiti kepada Pejabat Perundangan.



# Visi dan Misi

**Visi** | Untuk Melindungi Dan Memelihara Undang-Undang, Etika, Tadbir Urus Dan Integriti Universiti Sains Malaysia

**Misi** |

Pejabat Perundangan komited untuk menjadi ;

- ✓ Sebuah pejabat yang bertanggungjawab dan mesra dalam menyediakan perkhidmatan undang-undang kepada Universiti.
- ✓ Sebuah pejabat yang inovatif dan terbaik dari segi pelaksanaan perkhidmatan.
- ✓ Sebuah pejabat yang boleh dipercayai dalam menyediakan perkhidmatan undang-undang dan governan yang berkesan kepada Universiti apabila menguruskan isu-isu perundangan, tadbir urus dan perkara berkaitan tatatertib.
- ✓ Sebuah pejabat khusus yang mempamerkan komitmen profesional kepada Universiti.
- ✓ Pejabat yang memberikan nasihat undang-undang yang terbaik kepada Universiti.

# Fungsi Penasihatan

- ✓ Menasihati Universiti dalam semua hal perundangan yang melibatkan governan, polisi dan pentadbiran am, pembangunan, hal ehwal staf dan pelajar, kampus dan akademik;

- ✓ Menasihati Universiti mengenai tafsiran bagi mana-mana peruntukan perundangan seperti Akta Universiti Dan Kolej Universiti 1971 (AUKU), Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000 (Akta 605), Perlembagaan Universiti Sains Malaysia (Perlembagaan), Statut, Kaedah, Peraturan, keputusan kehakiman, MoU, MoA, pekeliling dan garis panduan yang berkaitan dengan kepentingan Universiti;

- ✓ Menasihati Lembaga Gabenor Universiti (Lembaga), Senat, Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor, Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan, pihak berkuasa dan pegawai Universiti yang lain berkaitan dengan fungsi, kuasa dan kewajipan yang diperuntukan di bawah AUKU, Akta 605, Perlembagaan, Statut, Kaedah, Peraturan yang dibuat oleh Universiti dan perundangan lain;

- ✓ Mewakili Universiti dalam mesyuarat atau perbincangan berkaitan isu-isu perundangan yang melibatkan kepentingan Universiti dengan pihak luar seperti Kementerian Pendidikan Malaysia;

- ✓ Menasihati Universiti dalam urusan berkaitan tindakan tatatertib yang diambil terhadap staf dan pelajar Universiti supaya selaras dengan peruntukan undang-undang;

- ✓ Menasihati Universiti dalam semua aspek mengenai hak, liabiliti tanggungrugi dan isu-isu berkenaan perundangan perubatan, harta intelek dan pengkomersilan Universiti;

- ✓ Berkongsi kefahaman kepada staf dan pelajar Universiti berkaitan AUKU, Perlembagaan, Statut, Kaedah dan Peraturan yang dibuat oleh Universiti;

- ✓ Memberi khidmat nasihat perundangan kepada mana-mana staf dan pelajar Universiti; dan

- ✓ Menyedia laporan dan pandangan perundangan bagi hal-hal yang membawa implikasi perundangan kepada Universiti.

## Fungsi Pejabat Perundangan

- ✓ Mengkaji, menyemak, mencadang dan meminda peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam undang-undang tubuh Universiti, Perlembagaan, Statut, Kaedah dan Peraturan Universiti supaya selaras dengan AUKU.

- ✓ Mengadakan perundingan dengan pihak luar negara, kerajaan, universiti tempatan dan luar negara dan sektor swasta mengenai terma-tema dan syarat-syarat MoU dan MoA bagi memelihara kepentingan Universiti.

- ✓ Menyedia surat cara atau dokumen bagi urusan pengambilan tanah, kontrak penyewaan, tender, sebutharga, isu pembayaran kepada pihak-pihak yang menuntut dan apa-apa pertikaian antara pihak kontraktor dengan Universiti.

- ✓ Menyedia, menderaf, menyemak dan memperakukan *Non-Disclosure Agreement* (NDA), *Memorandum of Understanding* (MoU) dan *Memorandum of Agreement* (MoA) berkaitan hal akademik, korporat dan komersial yang akan ditandatangani oleh Universiti.

- ✓ Mewakili Universiti untuk berunding hal perundangan dengan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Peguam Negara dalam pindaan dan penggubalan Akta yang berkaitan pengajian tinggi seperti AUKU, Statut, Kaedah dan garis panduan seperti Garis Panduan MoU, MoA dan lain-lain.

## Fungsi Guaman

- ✓ Memantau dan melaporkan kepada Universiti kes-kes mahkamah yang melibatkan Universiti, staf dan pelajarnya.

- ✓ Menyelia prestasi panel peguam luar yang dilantik oleh Universiti dan membantu kerja-kerja penyelidikan dan penyediaan pliding, memfailkan aduan atau balasan Universiti dalam kes mahkamah.

- ✓ Meneliti saman, menandatangani afidavit dan dokumentasi perundangan untuk dikemukakan kepada mahkamah.

- ✓ Menghadiri perbicaraan mahkamah dan mengadakan perbincangan dengan panel peguam bagi kes-kes litigasi yang melibatkan Universiti.

- ✓ Membuat rundingan dengan pihak bertentangan bagi penyelesaian di luar mahkamah.

- ✓ Mengendalikan kes-kes pecah kontrak Universiti.

- ✓ Mengendalikan kes-kes kecuaian perubatan; dan

- ✓ Mewakili Universiti mendapatkan hutang yang terakru melalui tindakan guaman.



# CARTA ORGANISASI
# PEJABAT PERUNDANGAN USM



# Unit Governan & Pentadbiran Undang-Undang



# Jawatankuasa Tatatertib Staf Universiti

## 5 KATEGORI JAWATANKUASA TATATERTIB STAF

**Jawatankuasa Tatatertib A**
**Jawatankuasa Tatatertib B**
**Jawatankuasa Tatatertib C**
**Jawatankuasa Tatatertib D**
**Jawatankuasa Tatatertib E**

## 5 KATEGORI JAWATANKUASA RAYUAN TATATERTIB STAF

**Jawatankuasa Rayuan Tatatertib A**
**Jawatankuasa Rayuan Tatatertib B**
**Jawatankuasa Rayuan Tatatertib C**
**Jawatankuasa Rayuan Tatatertib D**
**Jawatankuasa Rayuan Tatatertib E**

---

Jawatankuasa A = Tindakan tatatertib DENGAN tujuan buang kerja atau turun pangkat
***(Kategori Naib Canselor, Tim. Naib Canselor, Kump. Pengurusan Tertinggi, Kump. Pengurusan dan Profesional, Kumpulan A di bawah Laporan JK Kabinet 1976)***

Jawatankuasa B = Tindakan tatatertib BUKAN dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat
***(Kategori Naib Canselor, Tim. Naib Canselor, Kump. Pengurusan Tertinggi)***

Jawatankuasa C = Tindakan tatatertib BUKAN dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat
***(Kategori Kump. Pengurusan dan Profesional, Kump. A di bawah Laporan JK Kabinet 1976)***

Jawatankuasa D = Tindakan tatatertib DENGAN tujuan buang kerja atau turun pangkat
***(Kategori Kump. Sokongan, Kump. B, C dan D di bawah Laporan JK Kabinet 1976)***

Jawatankuasa E = Tindakan tatatertib BUKAN dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat
***(Kategori Kump. Sokongan, Kump. B, C dan D di bawah Laporan JK Kabinet 1976)***

## Mesyuarat
## Jawatankuasa Tatatertib Staf Universiti 2019

### JAWATANKUASA TATATERTIB UNIVERSITI (STAF) A

1. *22 Januari 2019, Mesyuarat Ke-24*
2. *26 Februari 2019, Mesyuarat Ke-25*
3. *19 Mac 2019, Mesyuarat Ke- 26*
4. *22 April 2019, Mesyuarat Ke-27*
5. *5 Julai 2019, Mesyuarat Ke-28*
6. *18 Oktober 2019, Mesyuarat Ke-29*

### JAWATANKUASA TATATERTIB UNIVERSITI (STAF) C

1. *19 Mac 2019, Mesyuarat Ke-25*
2. *30 September 2019, Mesyuarat Ke-26*

### JAWATANKUASA TATATERTIB UNIVERSITI (STAF) D

1. *22 Januari 2019, Mesyuarat Ke-47*
2. *19 Mac 2019, Mesyuarat Ke-48*
3. *9 Ogos 2019, Mesyuarat Ke-49*
4. *30 September 2019, Mesyuarat Ke-50*
5. *18 Disember 2019, Mesyuarat Ke-51*

## Mesyuarat
## Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Staf Universiti

### JAWATANKUASA RAYUAN TATATERTIB UNIVERSITI (STAF) A

1. *25 November 2019, Mesyuarat Ke-3*

### JAWATANKUASA RAYUAN TATATERTIB UNIVERSITI (STAF) C

1. *10 Januari 2019, Mesyuarat Pertama*

### JAWATANKUASA RAYUAN TATATERTIB UNIVERSITI (STAF) D

1. *10 Januari 2019, Mesyuarat Ke-10*
2. *13 Jun 2019, Mesyuarat Ke-11*

## Jumlah Keseluruhan Staf
## Sehingga 31 Disember 2019

**10,353 orang**

**2,289 orang**
Pengurusan Tertinggi Khas/Utama

**1,491 orang**
Pengurusan & Profesional

**6,573**
Pelaksana/Sokongan

## % Kes Tatakelakuan
## Berbanding Keseluruhan Jumlah Staf



**0.2%**
**21 orang staf mempunyai kes tata kelakuan**

**99.8%**
**10,332 orang staf tidak mempunyai kes tata kelakuan**

## % Kes Tatakelakuan Yang Dilaporkan



**52%**
**Kes tidak hadir bertugas**

**48%**
**Tatakelakuan lain**

## Statistik Jumlah Kes Tatatertib Berdaftar
## Dalam Tahun 2019




**Total :**
**21 orang**

## Perincian Jenis Kesalahan Kelakuan Yang Dilaporkan

**11 Kes**
Tidak Hadir Bertugas

**5 Kes**
Tidak Jujur / Tidak Amanah

**2 Kes**
Tidak Bertanggungjawab

**2 Kes**
Gangguan Seksual

**1 Kes**
Dadah

## Statistik Tatatertib Berdaftar Bagi Tahun 2019 Mengikut Kampus



## Bilangan Perisytiharan Harta Tahun 2019 Oleh Staf Mengikut Kampus dan Kumpulan Perkhidmatan



# Kerja Luar



## Apa Itu Kerja Luar?

**1** Mengambil bahagian, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dalam pengurusan atau urusan apa-apa pengusahaan komersil, pertanian atau perindustrian.

**2** Sebagai seorang pakar, memberikan apa-apa laporan atau memberikan apa-apa keterangan, sama ada secara percuma atau dengan dibayar upah.

**3** Mengusahakan bagi mendapatkan upah apa-apa kerja dengan mana-mana institusi, syarikat, firma atau individu persendirian.

### Statistik Kerja Luar Tahun 2019

| | LULUS | TOLAK | BATAL |
|---|---|---|---|
| KLINIKAL | 37 | 2 | 3 |
| BUKAN KLINIKAL | 76 | 5 | 13 |

## Permohonan Kerja Luar Mengikut Kampus

### KLINIKAL

- **37 LULUS**: Kesihatan (29), IPPT (8)
- **2 TOLAK**: Kesihatan (2)
- **3 BATAL**: IPPT (3)

### BUKAN KLINIKAL

- **76 LULUS**: Induk (33), Kesihatan (32), Kejuruteraan (5), IPPT (3)
- **5 TOLAK**: Kesihatan (5)
- **13 BATAL**: Kesihatan (7), Induk (5), Kejuruteraan (1)

## Permohonan Kerja Luar Mengikut Kumpulan Perkhidmatan

### KLINIKAL

- **37 LULUS**: P&P (3), Pensyarah (31), Pelaksana (3)
- **2 TOLAK**: P&P (2)
- **3 BATAL**: P&P (2), Pensyarah (1)

### BUKAN KLINIKAL

- **76 LULUS**: P&P (13), Pensyarah (30), Pelaksana (33)
- **5 TOLAK**: P&P (2), Pensyarah (1), Pelaksana (2)
- **13 BATAL**: P&P (3), Pensyarah (9), Pelaksana (1)

# Unit Penggubalan & Pengurusan MOU/MOA



Di antara fungsi Pejabat Perundangan adalah merangka dan menggubal dokumen MOU dan MOA di antara Universiti dan pihak luar (dalam dan luar negara). Ini termasuk kerja-kerja menyemak, menganalisa dan mengulas MOU dan MOA yang disediakan oleh pihak luar bagi memastikan kepentingan Universiti dalam setiap kolaborasi sentiasa terpelihara.

Untuk tahun 2019, Pejabat Perundangan telah menyemak dan/atau menggubal sebanyak 622 dokumentasi MOU dan MOA. Dari jumlah ini, 362 dokumentasi MOU dan MOA telah ditandatangani oleh Universiti. Selainnya belum dimuktamadkan atau ditandatangani disebabkan pelbagai ulasan perundangan yang perlu dilaksanakan/ditangani terlebih dahulu sebelum ianya boleh ditandatangani oleh Universiti.

Daripada 362 dokumen MOU dan MOA ini, sebanyak 107 dokumen adalah MOU dan 255 dokumen merupakan MOA.

Dari keseluruhan MOU dan MOA yang telah ditandatangani ini, 157 dokumen adalah untuk kolaborasi tempatan sementara 205 adalah kolaborasi antarabangsa.



# Statistik Dokumen MOU Dan MOA Yang Ditandatangani Pada 2019




| Tahun 2019 | Tempatan | Antarabangsa | Jumlah |
|---|---|---|---|
| **Memorandum of Understanding** | 36 | 71 | 107 |
| **Memorandum of Agreement** | 121 | 134 | 255 |
| **Jumlah besar** | **157** | **205** | **362** |

## Statistik Kepelbagaian Dokumen MOU Dan MOA Yang Ditandatangani Pada 2019

| Bil. | Jenis Dokumen | Jenis Kolaborasi | Tempatan | Antarabangsa | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | MoU | | 36 | 71 | 107 |
| 1. | MoA | Kolaborasi/Pertukaran Akademik | 10 | 19 | 29 |
| 2. | | Program Akademik (Dual Degree /Joint Degree) | 0 | 2 | 2 |
| 3. | | Kerjasama Umum (General Collaboration) | 20 | 30 | 50 |
| 4. | | Latihan Industri (Industrial Training / Internship) | 6 | 3 | 9 |
| 5. | | Material Transfer | 4 | 3 | 7 |
| 6. | | Pelbagai (Miscellaneous) | 1 | 27 | 28 |
| 7. | | Kerahsiaan (Non-Disclosure / Confidentiality) | 27 | 6 | 33 |
| 8. | | Program Pesisir (Off-Shore Program) | 0 | 2 | 2 |
| 9. | | Kolaborasi Penyelidikan (Research Collaboration) | 30 | 15 | 45 |
| 10. | | Geran Penyelidikan (Research Grant) | 17 | 5 | 22 |
| 11. | | Perkhidmatan (Services) | 5 | 2 | 7 |
| 12. | | Biasiswa / Penajaan Pelajar (Student Scholarship / Sponsorship) | 1 | 0 | 1 |
| 13. | | Pertukaran Pelajar/Staf (Students/Staff Exchange) | 0 | 20 | 20 |
| | | Jumlah MoA | 121 | 134 | 255 |
| | | **JUMLAH KESELURUHAN** | **157** | **205** | **362** |

# Unit Litigasi dan Guaman



# Fungsi Unit Litigasi dan Guaman

1. *Memberikan nasihat undang-undang (advisory matters) kepada Universiti*
2. *Mengendalikan kes-kes di mahkamah bagi pihak Universiti*
3. *Memantau dan menyelia kes-kes litigasi dan guaman Universiti sehingga penyelesaian penuh kes*
4. *Meneliti dan meluluskan kertas-kertas kausa termasuk afidavit yang dirujuk oleh panel peguam Universiti bagi tujuan mengendalikan kes-kes di mahkamah.*
5. *Menyemak, meneliti, mengkaji dan mengendalikan kes-kes litigasi dan guaman terhadap pihak-pihak yang berkaitan di mahkamah*
6. *Memantau pengendalian dan pelaksanaan kes-kes oleh panel peguam*
7. *Menghadiri perbicaraan di mahkamah dan mengadakan perbincangan dengan panel peguam bagi kes-kes litigasi yang melibatkan Universiti*
8. *Membuat rundingan dengan pihak bertentangan/agensi luar bagi penyelesaian di luar mahkamah.*
9. *Mengurus dan memantau kes-kes pecah kontrak di bawah Skim Rancangan Latihan Kakitangan Akademik (RLKA), Rancangan Pengajian Tinggi Kakitangan Akademik (RPTKA) dan Paramedik*





## Skim Pembiayaan Pengajian Di USM

| | | |
|---|---|---|
| 01 | **RLKA** | *Rancangan Latihan Kakitangan Akademik*<br>*Felo* |
| 02 | **RPTKA** | *Rancangan Pendidikan Tinggi Kakitangan Akademik*<br>*Kakitangan Universiti* |
| 03 | **PARAMEDIK** | *Pelajar Universiti*<br>• *Kursus Perubatan*<br>• *Jururawat Pelatih*<br>• *Pembantu Makmal* |

# Bagaimana Pecah Kontrak Berlaku?

1. *Ditamatkan Pengajian / Tidak Habis Belajar*

2. *Meninggalkan perkhidmatan Universiti sebelum tamat tempoh kontrak*

3. *Dibuang kerja dari perkhidmatan Universiti kerana salah laku, kecuaian atau tidak mengendahkan kewaijipan-kewajipan semasa dalam tempoh kontrak*

4. *Telah melakukan apa-apa pelanggaran yang menyebabkan perjanjian tersebut ditamatkan.*



## Statistik Kes Pecah Kontrak Yang Masih Aktif (304 Kes)




## Kes-Kes Baru Dari Tahun 2015 - 2019




## Kes Baru 2019 Berdasarkan Jumlah Tuntutan

**11 Kes**
Di bawah RM199K

**4 Kes**
RM200K – RM300K

## Nilai Jumlah Tuntutan Bagi Kes-Kes Baru



## Kes-Kes Selesai Tahun 2015 - 2019




## Statistik Jumlah Kutipan Pembayaran Balik Tuntutan Gantirugi Pecah Kontrak






# Unit Pengurusan Kontrak Kewangan



# Statistik Perjanjian Yang Melibatkan Kontrak Perolehan

**48**
**KONTRAK BEKALAN**
**RM27,746,971.57**

**+**

**13**
**KONTRAK KERJA**
**RM2,198,541.30**

**+**

**52**
**KONTRAK PERKHIDMATAN**
**RM36,115,567.24**

**=**

**113**
**JUMLAH KESELURUHAN**
**RM66,061,080.11**



# Senarai Semakan & Perundangan Pembaharuan Langganan Pangkalan Data Dan Perisian 2019
# Perpustakaan Hamzah Sendut, Perpustakaan Kampus Kejuruteraan Dan Perpustakaan Kampus Kesihatan

| NO | KAMPUS | PENERBIT/ PEMBEKAL | PANGKALAN DATA | TEMPOH LANGGANAN |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Induk | Access Dunia Sdn Bhd | ACM Digital Library | 1 Jan. 2019 - 31 Dis. 2019 |
| 2 | Induk | | ACS | 1 Jan. 2019 - 31 Dis. 2019 |
| 3 | Induk | | eBrary | 1 Jan. 2019 - 31 Dis. 2019 |
| 4 | KCT | | ASCE Journal | 1 Jan. 2019 - 31 Dis. 2019 |
| 5 | KCK | | Micromedex (CD-ROM version) | 1 Mac 2019 - 28 Feb. 2020 |
| 6 | Induk | EBSCO | EBSCO - PsycInfo | 1 Jan. 2019 - 31 Dis. 2019 |
| 7 | Induk | | EBSCO - Super Pack | 1 Jan. 2019 - 31 Dis. 2019 |
| 8 | IPPT | | EBSCO - Dentistry & Oral Sciences Source | 1 Jan. 2019 - 31 Dis. 2019 |
| 9 | IPPT | | EBSCO - Rehabilitation Reference Center | 1 Jan. 2019 - 31 Dis. 2019 |
| 10 | KCK | | EBSCO - Hospital Package | 1 Jan. 2019 - 31 Dis. 2019 |
| 11 | Induk | Wiley | Wiley | 1 Jan. 2019 - 31 Dis. 2019 |
| 12 | KCK | | Cochrane Library | 1 Jan. 2019 - 31 Dis. 2019 |
| 13 | Induk | Areesh Education | Nature Journals | 1 Jan. 2019 - 31 Dis. 2019 |
| 14 | Induk | Taylor & Francis | Taylor & Francis | 1 Jan. 2019 - 31 Dis. 2019 |
| 15 | Induk | Chemical Abstract Services | SciFinder Scholar | 1 Jan. 2019 - 31 Dis. 2019 |
| 16 | Induk | SpringerNature | Springer e-Journals | 1 Jan. 2019 - 31 Dis. 2019 |
| 17 | Induk | Emerald | Emerald | 1 Jan. 2019 - 31 Dis. 2019 |
| 18 | Induk | ProQuest | ProQuest Central | 1 Jan. 2019 - 31 Dis. 2019 |
| 19 | KCK | Wolters Kluwer | UptoDate | 1 Jun 2019 - 31 Mei 2020 |
| 20 | Induk | Clarivate Analytics | Journal Citation Reports | 1 Jan. 2019 - 31 Dis. 2019 |
| 21 | Induk | Globe Publication | JSTOR | 1 Jan. 2019 - 31 Dis. 2019 |
| 22 | Induk | Thomson Reuters | Datastream with EIKON | 1 Jan. 2019 - 31 Dis. 2019 |
| 23 | KCK | BMJ | BMJ Best Practice | 1 Jan. 2019 - 31 Dis. 2019 |
| 24 | KCK | | BMJ Collections (Journal) | 1 Jan. 2019 - 31 Dis. 2019 |
| 25 | KCK | | BMJ Learning | 1 Jan. 2019 - 31 Dis. 2019 |
| 26 | KCK | | BMJ Case Report | 1 Jan. 2019 - 31 Dis. 2019 |
| 27 | Induk | Sage | SAGE Premier | 1 Jan. 2019 - 31 Dis. 2019 |
| 28 | Induk | Elsevier | Science Direct | 1 Jan. 2019 - 31 Dis. 2019 |
| 29 | Induk | United Technology | IEEE | 31 Jan. 2019 - 30 Jan. 2020 |
| 30 | Induk | American Institute of Physics | AIP | 1 Jan. 2019 - 31 Dis. 2019 |
| 31 | Induk | American Mathematical Society | MathSciNet | 1 Jan. 2019 - 31 Dis. 2019 |

# Unit Tatatertib Pelajar



# Fungsi Unit Tatatertib Pelajar

1 *Menguruskan segala urusan yang berkaitan dengan tatatertib pelajar Universiti;*

2 *Menasihati Pusat Tanggungjawab berkenaan isu tatatertib pelajar dan cadangan tindakan yang perlu diambil bagi sesuatu aduan yang diterima berkenaan sesuatu kes tatatertib pelajar;*

3 *Menerima laporan siasatan berkaitan tindakan tatatertib ke atas pelajar dari Jabatan Keselamatan, Jawatankuasa Meniru/Menipu di dalam Peperiksaan, Jawatankuasa Penyiasatan Ciplakan dan mana-mana Jawatankuasa Siasatan yang lain yang dilantik oleh Naib Canselor Universiti;*

4 *Memastikan segala prosedur tatatertib pelajar adalah mematuhi peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1976 dan Kaedah-Kaedah Universiti Sains Malaysia (Tatatertib Pelajar) bagi melindungi kepentingan Universiti sekiranya keputusan Jawatankuasa Tatatertib Pelajar dan Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar dicabar di mahkamah;*

5 *Berkongsi kefahaman kepada pelajar-pelajar Universiti berkaitan AUKU, Perlembagaan, Kaedah-Kaedah Universiti Sains Malaysia (Tatatertib Pelajar) dan isu-isu berkaitannya supaya segala peruntukan undang-undang dan peraturan-peraturan dipatuhi; dan*

6 *Memberi taklimat kepada mana-mana Pusat Tanggungjawab berkenaan tatacara tatatertib pelajar, pengendalian bahan bukti dan isu-isu berkaitan termasuklah pengendalian kes-kes meniru/menipu di dalam peperiksaan.*



## Mesyuarat Jawatankuasa Tatatertib Pelajar Universiti

### MESYUARAT JAWATANKUASA TATATERTIB PELAJAR (KES AM)

1. *14 Februari 2019 - Induk*
2. *11 Julai 2019 - Induk*

### MESYUARAT JAWATANKUASA TATATERTIB PELAJAR (KES AKADEMIK)

1. *24 Januari 2019 – Induk*
2. *3 Mac 2019 – Kesihatan*
3. *14 Mac 2019 – Induk*
4. *15 Mac 2019 – Induk*
5. *22 Mac 2019 – Induk*
6. *9 Ogos 2019 – Induk*
7. *15 Ogos 2019 – Induk*
8. *25 Ogos 2019 - Kesihatan*

### MESYUARAT JAWATANKUASA TATATERTIB PELAJAR (RAYUAN)

1. *17 Mei 2019 - Induk*
2. *11 Julai 2019 - Induk*




## Bilangan Kes Tatatertib Am & Akademik 2019

## Jumlah Kes Tatatertib Akademik 2019 Mengikut Perincian Kategori Pelajar



## Kategori Kesalahan Tatatertib Akademik

### Plagiat

Ciplakan – 1 kes

### Menipu/meniru dalam peperiksaan

Membawa masuk sarung kalkulator yang mengandungi nota – 1 kes
Menulis nota pada anggota badan – 1 kes
Membawa masuk telefon pintar – 9 kes
Membawa masuk nota – 12 kes
Membawa masuk slip peperiksaan yang mengandungi nota – 12 kes

## Jumlah Kes Tatatertib Am 2019 Mengikut Kategori Pelajar




## Jumlah Kes Tatatertib Am 2019 Mengikut Kampus




## Keputusan Rayuan Tatatertib 2019

Hukuman Jawatankuasa Tatatertib Pelajar dikekalkan – 7

Menambah hukuman yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Tatatertib Pelajar – 0



# Unit Integriti

## Pengenalan

*Penubuhan Unit Integriti di Universiti Sains Malaysia adalah selaras dengan kehendak Pekeliling Perkhidmatan Bilangan (6) Tahun 2013. Unit ini ditubuhkan secara rasminya pada 15 Januari 2014 dan merupakan sebuah entiti yang bertanggungjawab terus kepada Naib Canselor.*




## Fungsi Utama Unit Integriti

**Tadbir Urus**
Memastikan tadbir urus yang terbaik dilaksanakan

**Pengukuhan Integriti**
Memastikan pembudayaan, penginstitusian dan pelaksanaan integriti dalam organisasi

**Pengesanan & Pengesahan**
Mengesan dan mengesahkan aduan salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi serta memastikan tindakan susulan yang sewajarnya diambil

Melaporkan salahlaku jenayah kepada agensi penguatkuasaan yang bertanggungjawab

**Pengurusan Aduan**
Menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan/maklumat mengenai salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi

**Pematuhan**
Memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa

**Tatatertib**
Melaksanakan fungsi urus setia Lembaga Tatatertib

## Aktiviti Unit Integriti Tahun 2019 (Aktiviti Dalam USM)

**31 Januari 2019**
*Majlis Ikrar Bebas Rasuah Ketua-Ketua Jabatan USM*

**27 Februari 2019**
*Perbincangan SOP Berkenaan Tatacara Penerimaan Hadiah/Sumbangan/Tajaan*

**29 April 2019**
*Panel Bagi Program Kesedaran Gangguan Seksual*

**2 Mei 2019**
*Lawatan Panel Integriti ke beberapa lokasi di Kampus Induk*

**23-25 Mei 2019**
*Lawatan Panel Integriti @ Kampus Kesihatan, USM*

**30 Mei 2019**
*Majlis Penyampaian Hadiah Video Pendek Gangguan Seksual*

**18 & 24 Jun 2019**
*Inkuiri Kes Yayasan Hijau*

**30 September 2019**
*Perjumpaan - SRIM dan SRIUSM*

**1 Oktober 2019**
*Pembentangan Aktiviti/Dapatan Panel Integriti kepada Naib Canselor*

**14 Oktober 2019**
*Program Hari Integriti Peringkat Universiti Sains Malaysia Tahun 2019*

**15 Oktober 2019**
Mesyuarat Jawatankuasa Anti-Rasuah USM Bil 1/2019

**23 Oktober 2019**
*Ceramah Integriti : Tumbok Rusuk Duit Panadol*

**29 Oktober 2019**
*Siasatan Kes Gangguan Seksual*

## Aktiviti Unit Integriti Tahun 2019 (Penglibatan Luar, Komuniti Dan Masyarakat)

**22 Februari 2019**
*Mesyuarat Jawatankuasa Pegawai Integriti Universiti Awam Bil. 1/2019 @ Universiti Malaysia Sabah, Sabah*

**6-7 Mac 2019**
*Talk Pemantapan Integriti, Akauntabiliti & Etika @ Universiti Perguruan Sultan Idris, Perak*

**12 Mac 2019**
*Libat urus terbuka Reformasi Sistem & Undang-Undang Pilihanraya @ Dewan Budaya, USM*

**27 April 2019**
*Program Sinar Kasih : Sumbangan Makanan Kepada Gelandangan SRIM USM @ Georgetown*

**23 Mei 2019**
*Taklimat dan Perbincangan Berkaitan Pelaksanaan Jawatankuasa Anti-Rasuah Bersama KPM @ Universiti Sains Islam Malaysia, Negeri Sembilan*

**24 September 2019**
*Mesyuarat Bersama Ketua Unit Integriti KPM Bersama Majlis Pegawai Integriti (MPI) Universiti Awam @ Kementerian Pendidikan Malaysia, Putrajaya*

**29 Oktober 2019**
*Talk - Etika & Pengurusan Integriti @ Kem PLKN White Resort, Balik Pulau*

**5 November 2019**
*Sambutan Hari Integriti Peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia @ Putrajaya*

**12 Disember 2019**
*Mesyuarat Jawatankuasa Pegawai Integriti Universiti Awam Bil. 3/2019 @ Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor*

## Kategori Kes Integriti Yang Diadukan Pada Tahun 2019




## Kes Integriti 2019 Mengikut Jantina




## Kes Integriti 2019 Mengikut Kategori Kumpulan Pekerjaan



# Unit Polisi



## Unit Polisi

Telah dibentuk pada 15 Mei 2019, apabila seorang Penolong Pegawai Tadbir (Polisi) telah ditempatkan di Pejabat Perundangan bagi membantu Penasihat Undang-Undang untuk melaksanakan pemantapan dasar, polisi, garis panduan dan/atau peraturan yang pernah diluluskan di Universiti dan PTJ-PTJ.

Unit Polisi diberikan peranan untuk mentadbir dan bertanggung jawab ke atas portal e-Perundangan yang menjadi pusat sehenti atau repositori yang mengumpulkan kesemua dasar, polisi, garis panduan dan/atau peraturan USM. Sehubungan itu, Unit Polisi telah mengambil inisiatif membuat penambah baikkan dengan mengubah 'template' dan grafik portal e-Perundangan agar kelihatan lebih komprehensif, teratur, mudah dicapai, mesra pengguna dan professional.

Selain itu juga, bermula pada Disember 2019 Unit Polisi telah dan akan bertemu dengan beberapa PTJ yang terpilih bagi menerangkan tentang fungsi portal e-Perundangan serta perbincangan pelaksanaan secara kediri oleh PTJ untuk memuat naik dasar, polisi, garis panduan dan/atau peraturan yang pernah diluluskan oleh PTJ masing-masing ke portal e-Perundangan.




**[ Paparan muka hadapan portal e-Perundangan ]**

https://eperundangan.usm.my

## Senarai Dasar yang boleh dimuat turun daripada portal e-Perundangan

1. *Dasar - Dasar Perpustakaan Dasar Dan Etika Penyelidikan Universiti Sains Malaysia*
2. *Dasar Dan Peraturan Nama Dasar (Program Usahasama)*
3. *Dasar Dan Prosedur Ijazah Pertama*
4. *Dasar Dan Prosedur Penangguhan Pendaftaran Ijazah Sarjana Muda/Diploma Kejururawatan (Penuh Masa)*
5. *Dasar Dan Prosedur Pengambilan Pelajar Ijazah Sarjana Muda Saluran Perdana (Penuh Masa)*
6. *Dasar Dan Prosedur Pengurusan Pengecualian Unit, Ijazah Sarjana Muda (Penuh Masa & RPJJ)*
7. *Dasar Dan Prosedur Pengurusan Pertukaran Rancangan Pengajian (PRP) Ijazah Sarjana Muda (Penuh Masa)*
8. *Dasar Dan Prosedur Pengurusan Pertukaran Universiti Ijazah Sarjana Muda (Penuh Masa)*
9. *Dasar Dan Prosuder Pengurusan Pemindahan Kredit Ijazah Sarjana Muda Penuh Masa RPJJ*
10. *Dasar Dan Tatacara Perolehan Bagi Bekalan Dan Perkhidmatan Secara Sebutharga*
11. *Dasar Dan Teras Dasar Epic*
12. *Dasar E-Pembelajaran*
13. *Dasar Gangguan Seksual*
14. *Dasar ICT*
15. *Dasar Kebajikan Pelajar*
16. *Dasar Keselamatan Dan Kesihatan Perkerjaan*
17. *Dasar Keusahawanan KPM*
18. *Dasar Koleksi Malaysiana Dan Arkib*
19. *Dasar Parkir Kenderaan*
20. *Dasar Pemasangan Elektromagnet*
21. *Dasar Pemasangan Jeriji Di Bangunan PTJ*
22. *Dasar Pembangunan Keusahawanan*
23. *Dasar Pembangunan Koleksi Perpustakaan Universiti Sains Malaysia*
24. *Dasar Pembangunan Siswa*
25. *Dasar Pemilihan Dan Penempatan Desasiswa Ijazah Pertama*
26. *Dasar Pemilihan Dan Penempatan Desasiswa Ijazah Tinggi*
27. *Dasar Penerbitan Thesis*
28. *Dasar Pengkatalogan Dan Pengklasifikasian Perpustakaan*
29. *Dasar Pengurusan Dan Kawalan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (KKP)*
30. *Dasar Penyediaan Minuman Tanpa Atau Kurang Gula Semasa Perbincangan Formal*
31. *Dasar Repositori Institusi Universiti Sains Malaysia*
32. *Dasar Teknologi Maklumat Dan Komunikasi 2013*
33. *Dasar Tenaga Universiti Sains Malaysia*
34. *Dasar Universiti Sains Malaysia Terhadap Ciplakan / Policy On Plagiarism*
35. *Dasar Utama Pengambilan Pelajar*
36. *Dasar Dan Etika Penyelidikan*

## Senarai Polisi yang boleh dimuat turun daripada portal e-Perundangan

1. *Gift And Endowment Policy*
2. *Intellectual Property Policy*
3. *Policy On Closed Circuit Television (CCTV) Monitoring, Recording, Role & Technical*
4. *Standards*
5. *Policy On Closed Circuit Television CCTV*
6. *Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat Universiti*
7. *Policy On Sustainability 2014*
8. *Tobacco-Free Policy*
9. *Trees Policy*

## Senarai Panduan/Garis Panduan yang boleh dimuat turun daripada portal e-Perundangan

1. *Buku Panduan Pengurusan Kenderaan Universiti*
2. *Garis Panduan Integriti Akademik Institusi Pengajian Tinggi Malaysia*
3. *Garis Panduan Kehilangan Aset Alih*
4. *Garis Panduan Keselamatan Penggunaan Peralatan Untuk Bekerja Di Tempat Tinggi*
5. *Garis Panduan Keselamatan Semasa Mengecas 'Power Bank'*
6. *Garis Panduan Logo Anugerah Sanggar Sanjung USM*
7. *Garis Panduan Pelaksanaan Penetapan Gaji Permulaan Kenaikan Pangkat*
8. *Garis Panduan Pelaksanaan Waktu Bekerja Fleksi (Wbf) Universiti Sains Malaysia*
9. *Garis Panduan Pelantikan / Pelantikan Semula Skim Felo Pasca Doktoral*
10. *Garis Panduan Pemasangan Jeriji Di Kediaman*
11. *Garis Panduan Pemberian Geran Komputer Kepada Staf Akademik*
12. *Garis Panduan Pengenalpastian Hazard, Penaksiran Risiko Dan Pengawalan Risiko (HIRARC)*
13. *Garis Panduan Pengurusan Jenazah Pelajar Universiti Awam*
14. *Garis Panduan Pengurusan Kerja Luar Staf USM*
15. *Garis Panduan Penyediaan Prosedur Kerja Selamat*
16. *Garis Panduan Respon Kecemasan Berkaitan Ular Dalam Kampus*
17. *Garis Panduan Tadbir Urus Kursi Universiti Sains Malaysia*
18. *Garis Panduan Tatatertib Staf USM*
19. *Garis Panduan Untuk Pelajar Semasa Membuat Aktiviti Di Luar Bangunan*
20. *Garis Panduan Untuk Staf Yang Bertugas Di Luar Bangunan*
21. *Governance Guidelines For Sustainability Best Practices Universiti Sains Malaysia (USM) Campus*
22. *Guidelines For The Preparation Of A Chemical Register*
23. *Panduan Etika Pakaian Pelajar Di Pelbagai Lokasi Dalam Kampus*
24. *Panduan Keselamatan Cecair Kriogenik*
25. *Panduan Keselamatan Kebuk Wasap*
26. *Panduan Keselamatan Radas Kaca*
27. *Panduan Keselamatan Selinder Gas Mampat*
28. *Panduan Pelaksanaan Arahan Perubahan Kerja*
29. *Panduan Pengurusan Staf Tidak Hadir Bertugas Tanpa Cuti*
30. *Panduan Penjimatan Kos USM*
31. *Panduan Semakan Pengurusan Perolehan Peringkat PTJ*
32. *Panduan Siswa Baharu*
33. *Panduan Staf*
34. *Panduan Subkepakaran*
35. *Panduan Untuk Warga Usm Berkenaan Konflik Kepentingan Keluarga/Saudara Terdekat*
36. *Sop Senarai Hitam Kod Pembekal Luaran*
37. *Surat Hebahan Garis Panduan Permohonan Program Akademik Universiti Awam Edisi Kedua*

## **Senarai Peraturan/Prosedur/Tatacara** yang boleh dimuat turun daripada portal e-Perundangan

1. *Edaran Peraturan Peraturan Bekerja Di Makmal Dan Bengkel Selepas Waktu Pejabat*
2. *Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2008_Dasar Dan Prosedur Pelantikan Secara Kontrak (Contract Of Service)*
3. *Pengurusan Kes Kecuaian Perubatan*
4. *Peraturan Bayaran Intensif Dan Elaun Bidang Perubatan Dan Pergigian*
5. *Peraturan Dan Perintah Tetap Lembaga Pemilihan, Pengesahan, Kenaikan Pangkat Dan Lanjutan Perkhidmatan Bagi Kakitangan Kumpulan A, B, C Dan D*
6. *Peraturan Dan Prosedur Dalaman Rancangan Ijazah Tinggi*
7. *Peraturan Dan Syarat Penerimaan Tawaran Program Pengajian Jarak Jauh*
8. *Peraturan Dan Terma Jawatankuasa Kecil*
9. *Peraturan Kewangan (Edisi 4 2010)*
10. *Peraturan Pelantikan Pembantu Pemeriksa*
11. *Peraturan Pelantikan Pemeriksa Dalam*
12. *Peraturan Pentadbiran Kunci USM*
13. *Peraturan-Peraturan Universiti Sains Malaysia (Lalulintas Jalan Dan Parkir) 2015*
14. *Prosedur Menjalankan Kawad Kebakaran Dan Kecemasan Di Bangunanbangunan USM*
15. *Prosedur Operasi Standard (SOP) Bagi Pengurusan Maklum Balas Pelanggan*
16. *Prosedur Pengendalian Ujan Air Kencing Di USM*
17. *Prosedur Pengendalian Ujian Air Kencing Di Universiti Sains Malaysia*
18. *Prosedur Penjagaan Pemeriksaan Pengujian & Penyelenggaraan Peralatan Pencegahan Kebakaran Dan Kecemasan Di Bangunan*
19. *Prosedur Permohonan Hebahan Pentadbir Emel USM*
20. *Prosedur Tindak Balas Respon Sewaktu Kebakaran*
21. *SOP Dan Garis Panduan Pengurusan Jerebu USM*
22. *SOP Student Mobility Programme*
23. *Tatacara Pemilihan Mpp Usm 2013-2014*
24. *Tatacara Pemilihan Profesor Sebagai Ahli Senat USM 2014*
25. *Tatacara Pemilihan Wakil Senat Ke Jawatankuasa Atau Majlis Universiti Oktober 2012 2014*
26. *Tatacara Pengurusan Aset Alih Bab F Kehilangan Dan Hapuskira*
27. *Tatacara Pengurusan Aset Dan Inventori*
28. *Tatacara Perolehan Kerja Lantikan Terus*
29. *Tatacara Perolehan Pembelian Terus*
30. *Tatacara Perolehan Semasa USM Autonomi*
31. *Tatacara Sebutharga Bekalan Dan Perkhidmatan*
32. *Warta Kerajaan Persekutuan_Peraturan-Peraturan Pegawai Awam(Pelantikan, Kenaikan Pangkat Dan Penamatan Perkhidmatan) 2012*




**114** Jumlah keseluruhan tajuk bagi Dasar, Polisi, Garis Panduan & Peraturan/Prosedur/Tatacara yang boleh dimuat turun daripada portal e-Perundangan



Kod QR untuk melayari portal
e-Perundangan melalui telefon pintar

https://eperundangan.usm.my



# Pengurusan Pejabat Perundangan

## Laporan Pandangan Perundangan

Pandangan Perundangan merupakan satu 'penjelasan bertulis Perundangan' yang memberi syor, pandangan serta khidmat nasihat kepada Universiti (terutamanya dalam aspek governan).

Pandangan Perundangan juga diberikan kepada mana-mana pihak di pelbagai peringkat pengurusan mahupun individu (dalam Universiti) yang memerlukan kepada bentuk penasihatan, tafsiran atau tindakan wajaran yang perlu secara rasional menurut perundangan.

Mengikut rekod Pejabat Perundangan, berikut adalah statistik pandangan perundangan yang telah diuruskan sejak tahun 2013 hingga 2019(sehingga bulan Disember).

## Statistik Pandangan Perundangan Tahun 2013 – Disember 2019



# Latihan & Aktiviti 2019




MAJLIS IKRAR BEBAS RASUAH
KETUA-KETUA JABATAN USM
31 Januari 2019 | Khamis | Dewan Persidangan Universiti USM



# PROGRAM LIBAT URUS TERBUKA REFORMASI SISTEM DAN UNDANG-UNDANG PILIHANRAYA

12 Mac 2019 | Selasa | Dewan Bankuet Canselori II




**Penasihat Undang-Undang USM menghadiri majlis pelancaran Pusat Undang-Undang Industri Pembinaan (CILC) di Auditorium INFORMM**

28 Mac 2019



**Perundangan & Governan Universiti - Bagaimana Menjadikan Pejabat Perundangan Yang Hebat**

1 April 2019



**PUU & Staf Pejabat Perundangan menyampaikan Sumbangan Hari Raya Kepada Mak Cik Midah & Mamu Amin**



**Sebahagian daripada warga Pejabat Perundangan dan keluarga masing-masing yang hadir ke Majlis Iftar 2019**

Hotel The Light
*24 Mei 2019*




**Sesi fotografi sempena sambutan Hari Raya Aidil Fitri 2019 bertempat di *The Purple Republic, USM***




**PUU & Sebahagian Daripada Staf Pejabat Perundangan Bergambar Sempena Majlis Hari Raya Aidilfitri USM '19**

*Perkarangan Bangunan Siswaniaga (Parkir DTSP)*
*27 Jun2019*




**Poster di Booth Pejabat Perundangan Sempena Majlis Hari Raya Aidilfitri USM ’19**



**Sesi jamuan tengahari di Pejabat Perundangan**

26 Jun 2019



**4 orang staf Pejabat Perundangan bergambar kenangan selepas Majlis Makan Malam Perdana Sempena Ulang Tahun Ke-50 USM** ***Sanggar Kenangan "The Garden of Memories"***

Setia SPICE, Pulau Pinang
*20 September 2019*


JABATAN KESIHATAN NEGERI PULAU PINANG
USM
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
APEX
NATIONAL MEDICO-LEGAL CONFERENCE 2019
2-4 OCTOBER 2019 | CITYBAYVIEW HOTEL GEORGETOWN, PENANG
WE LEAD
165th
6th
43rd
49th



LAWATAN KERJA PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA KE PEJABAT PERUNDANGAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

7 OKTOBER 2019 | ISNIN

UUM
Universiti Utara Malaysia




**Sambutan Hari Integriti**
**Peringkat Universiti Sains Malaysia 2019**
**di Dewan Budaya, USM**

14 Oktober 2019



**Naib Canselor & Pegawai-Pegawai Tertinggi USM Bergambar Bersama Para Pegawai SPRM**
**Sempena Sambutan Hari Integriti Peringkat Universiti Sains Malaysia 2019**
14 Oktober 2019


MESYUARAT MAJLIS PENASIHAT UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI AWAM MALAYSIA BIL. 2/2019 SESI 2017/2019
18 – 19 Oktober 2019 | Jumaat – Sabtu | Lexis Suites Pulau Pinang






**Seorang peserta Mesyuarat Majlis Penasihat Undang-Undang Universiti Awam Malaysia Sesi 2017/2019 menggayakan Baju-T khas yang direka oleh Pejabat Perundangan USM.**

Lexis Suites, Pulau Pinang
*18-19 Oktober 2019*




**8 orang delegasi Pejabat Perundangan USM telah terbang ke Sabah untuk menjayakan program Perkongsian Ilmu Warga Pejabat Perundangan dengan Staf Pejabat Penasihat Undang-Undang, Universiti Malaysia Sabah**

29 November 2019

# Rumusan



## RUMUSAN

Pada tahun 2019, Pejabat Perundangan terus memastikan kesinambungan pelaksanaan pelbagai program dan aktiviti telah menunjukan impak yang sangat positif. Pejabat Perundangan berharap telah berjaya menjalankan fungsi dan tanggungjawabnya bagi memenuhi harapan tinggi Universiti untuk tahun 2019. Secara keseluruhan berdasarkan laporan tahunan ini, pencapaian Pejabat Perundangan adalah sangat baik dan Pejabat Perundangan akan terus komited dalam memberikan kualiti perkhidmatan terbaik kepada Universiti Sains Malaysia.

Terima kasih kepada Naib Canselor, Timbalan-Timbalan Naib Canselor, Pegawai-Pegawai Utama Universiti, Ketua-Ketua Jabatan dan semua pihak yang membantu Pejabat Perundangan dalam merealisasikan tanggungjawab dan peranan yang diamanahkan.

Seribu penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam melahirkan Laporan Tahunan Pejabat Perundangan Tahun 2019 ini. Tidak lupa juga penghargaan kepada semua staf Pejabat Perundangan yang memberikan kerjasama dan komitmen padu dalam menjayakan aspirasi ini. Syukur ke hadrat Ilahi kerana segala upaya dalam melaksanakan pelbagai program mendapat kerjasama daripada semua pihak dan berjalan dengan lancar.

Sekian.




# Terima Kasi

Copyright©2020, Pejabat Perundangan Universiti Sains Malaysia
HAK CIPTA TERPELIHARA.

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana bahagian dan isi kandungan laporan ini dalam apa jua bentuk samada secara elektronik, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis.